

PENGHARGAAN

Dengan sempurnanya projek penyelidikan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutama kepada penyelia saya, DR. RAYMOND LEE di atas bimbingan dan nasihat beliau yang tidak ternilai besarnya sehingga selesainya projek penyelidikan ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Wong Yoon Min (presiden Persatuan Bersemangat Suci Malaysia), Encik Chew Kien Boo (Naib-presiden Persatuan Bersemangat Suci Malaysia), ahli-ahli persatuan, pendita Ng Moon Hing, Yap Kok Kong dan Chan Kwang Qui, serta wartawan Cik Chan dari Ipoh, yang telah memberikan bantuan dan kerja-sama untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Tidak tertinggal juga ucapan terima kasih istimewa untuk sahabatku yang sering mendoa untuk kejayaanku, begitu juga untuk Cik Tiew yang sudi meminjam komputer beliau untuk menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, kepada pihak yang memberikan bantuan dalam menjayakan projek penyelidikan dan tidak sempat sebut di sini, terima kasih diucapkan.

SINOPSIS

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian ke atas Persatuan Bersemangat Suci (Pusat Pendidikan) di Malaysia. Kajian ini bertujuan memperkenalkannya kepada pembaca memandangkan ia merupakan satu pertubuhan yang baru. Dalam penulisan kajian ini, saya telah membahagiakannya kepada 6 bab, mengikut aspek-aspek tertentu.

BAB 1 : Mengenai kepentingan dalam kajian ini serta kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan. Masalah kajian juga dibincangkan.

BAB 2 : Bab ini lebih menumpukan kepada latar belakang mulanya Persatuan Bersemangat Suci di Korea oleh pengasasnya, Sun-Myung Moon. Falsafah dan amalan-amalan persatuan dihuraikan di sini.

BAB 3 : Khususnya dalam konteks Malaysia, Persatuan Bersemangat Suci cawangan di Malaysia dibincangkan dari segi sistem komunikasi, struktur organisasi dan ekonomi.

BAB 4 : Kegiatan sosial persatuan, iaitu aktiviti yang diadakan terkandung dalam bab ini. Konsep perkahwinan persatuan mengenai "mass-wedding" diperkenalkan sebagai satu bidang menarik.

BAB 5 : Temubual dan pendapat responden mengenai Persatuan Bersemangat Suci dibincangkan dan dikodkan dalam bab ini.

BAB 6 : Kesimpulan mengenai Persatuan Bersemangat Suci secara umum dan pandangan masa depan dibincangkan dengan ringkas.